

21/09/2002

FAM akur keluhan Mahathir

V Ashok; Hussain Said

PERSATUAN Bola Sepak Malaysia (FAM) menyuarakan rasa kesal dengan sikap pemain bola sepak negara yang kurang komitmen untuk menyerlah di pentas antarabangsa sekalipun memiliki kemampuan besar.

Sikap ini wujud sekian lama dan membantut kejayaan kita di pentas antarabangsa sekalipun segala program pembangunan padu dijalankan dengan perbelanjaan tinggi.

Nada kekecewaan FAM itu mengiringi keluhan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung nasib sukan bola sepak negara ketika beliau membentangkan Bajet 2003 di Dewan Rakyat, semalam.

Perdana Menteri berkata apa sudah jadi kepada pemain-pemain kita sekarang sedangkan bola sepak negara pernah mengecapi era kegemilangan dan cukup terkenal di rantau Asia serta menewaskan pasukan Jepun dan Korea Selatan.

"Apa sudah terjadi kepada pemain kita?," tanya Dr Mahathir yang disokong anggota-anggota dewan dengan menepuk meja.

Setiausaha Agung FAM, Datuk Dell Akbar Khan ketika dihubungi bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri sambil berharap teguran itu dapat diserap sebaik-baiknya oleh setiap pemain sebagai satu iktibar.

Pada pandangan Dell adalah kurang wajar media massa hanya mengkritik serta kerap menyoal pengurusan persatuan setiap kali skuad negara gagal di kejohanan antarabangsa sedangkan pemain turut ada peranan yang harus dilaksanakan bersama.

Dell berkata dalam persatuan setiap anggota terbabit ada peranan masing-masing untuk dibereskan dan sebagai pemain mereka juga ada tanggungjawab - turun ke padang dan pulang mencipta keputusan terpuji.

"Tapi daripada apa yang dapat dilihat pemain kita seperti teragak-agak dan tidak memberi komitmen serta sumbangan 100 peratus setiap kali bermain. Ini satu sikap yang perlu dikikis dengan mengambil inisiatif memperbaiki kemajuan diri tanpa mengharap bulat-bulat bantuan persatuan membina mereka," katanya.

Tambahnya, pemain bola sepak kita ibarat seorang pelajar di sekolah. Guru hanya dapat mengajar dan memberi bantuan serta kaedah belajar dan bukan duduk bersama di bilik peperiksaan memastikan anak murid itu berjaya.

"Pada hari peperiksaan segala-galanya bergantung kepada keupayaan pelajar itu selepas mendapat didikan, termasuk tunjuk ajar dari ibu bapa atau di kelas tambahan.

"Pemain bola sepak kita juga dalam proses sama dengan segala kemudahan yang cukup tapi entah apabila turun ke gelanggang perwatakan mereka bertukar dan hanya membuat lawan rasa selesa," katanya.

Sambil itu, Perdana Menteri juga menggesa semua pihak, terutama persatuan yang bertanggungjawab agar mengenalpasti dan mengambil langkah segera mengatasi kelemahan yang berpunca daripada sengketa sesama sendiri.

"Kita mesti tingkatkan keyakinan dan semangat bagi mengembalikan semula kegemilangan sukan negara.

"Jadikan Sukan Asia Ke-14 di Busan, Korea Selatan yang akan datang ini sebagai satu cabaran untuk membuktikan bahawa kita mampu mencapai tahap kejayaan yang lebih gemilang lagi. Bagi kontinjen negara, buktikan Malaysia Boleh," kata Dr Mahathir.

Menurut beliau lagi, kerajaan juga memperuntukan RM227.5 juta bagi memperluaskan program serta menggalakkan aktiviti sukan, termasuk

mempromosikan sukan lasak dan bermotor, bot laju serta perahu layar.

Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Wira Mazlan Ahmad berharap teguran pemimpin negara itu menyedarkan pemimpin sukan di semua peringkat betapa mereka menggalas tanggungjawab besar membangun dan memajukan sukan negara.

"Kerajaan sudah memperuntukkan besar bagi memastikan pencapaian sukan negara mampu menandingi lawan lebih kuat di peringkat antarabangsa.

"Jadi, setiap pemimpin sukan di semua peringkat harus mengambil daya inisiatif baru bergandingan sesama mereka dalam memastikan sasaran tercapai," katanya.

Mengenai persatuan sukan yang masih bermasalah kerana sengketa sesama sendiri, Mazlan berkata sudah tiba masanya Pesuruhjaya Sukan bertindak menyelesaikan masalah dalaman persatuan terbabit.

"Saya tidak menafikan beberapa persatuan sukan mengalami masalah dalaman. Namun, kita sudah mempunyai peruntukan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 mengatasinya.

"Terpulang kepada Pesuruhjaya Sukan untuk mengambil tindakan dalam membetulkan keadaan dalaman persatuan sukan bermasalah," katanya.